

24 OCT 1998

BELANJAWAN-ANALISIS/I

KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN, RAMUAN PRAGMATIK KE ARAH PULIH EKONOMI

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 24 OKt (Bernama) -- Langkah kerajaan memulihkan ekonomi yang dilemahkan oleh krisis ekonomi serantau melalui pengenalan satu lagi pakej langkah-langkah rangsangan ekonomi di dalam Belanjawan 1999 telah disifatkan oleh kebanyakan orang sebagai paling pragmatik dan realistik dalam zaman yang mencabar ini.

Dengan pengisytiharan pelbagai galakan cukai dan langkah-langkah ekonomi, kerajaan berharap bersungguh-sungguh untuk melaraskan pelbagai sektor ekonomi ke arah pemulihan ekonomi yang cepat.

Langkah-langkah itu kelihatan telah memperolehi sokongan dan persetujuan yang cepat. Misalnya, Dewan Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI), badan payung perdagangan pelabur-pelabur asing di negara ini, berkata isyarat-isyarat yang positif bahawa ekonomi sedang dalam arah pemulihan sesungguhnya amat meyakinkan kepada masyarakat perniagaan dan juga orang ramai keseluruhannya.

Mengulas mengenai beberapa langkah yang sedang dilaksanakan, katanya ia juga menunjukkan kepada kembalinya perniagaan dan keyakinan memandangkan langkah-langkah itu memperkukuhkan syor-syor yang digariskan di dalam Pelan pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) pada bulan Julai lalu.

Perakuan sokongan itu oleh sebuah badan perniagaan utama, yang anggota-anggotanya terdiri daripada antara syarikat antarabangsa terbesar di dunia, adalah apa yang diharapkan oleh pihak berkuasa untuk mendapat sokongan.

Kepercayaan dan keyakinan adalah apa yang patut ada pada orang ramai ke atas usaha-usaha kerajaan untuk mencergaskan semula ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sokongan berterusan mereka adalah unsur penting bagi pemulihan ekonomi, katanya di dalam prakata Laporan Ekonomi 1998/99 oleh Perbendaharaan.

"Dengan sokongan berterusan anda, kita boleh bersama-sama melihat ke masa hadapan dengan keyakinan," Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata.

Memandangkan ramalan pertumbuhan ekonomi negatif 4.8 peratus bagi tahun ini, kerajaan telah mengguna pakai dasar perkembangan dengan mencadangkan satu belanjawan defisit bagi tahun depan. Ini dijangka mengujudkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar sederhana 1.0 peratus pada 1999.

Dr Mahathir, semasa membentangkan Belanjawan 1999 hari Jumaat, membayangkan bahawa strateginya adalah bermatlamat memulihkan ekonomi negara ini.

Strategi itu juga digubal untuk memebat ekonomi daripada kesan jangkitan krisis kewangan serantau bagi menstabilkan pasaran kewangan dan nilai ringgit.

Langkah-langkah itu juga diwujudkan untuk memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara, menuusun semula sektor kewangan, meningkatkan pengawasan di dalam sektor-sektor awam dan swasta dan memperkukuhkan lagiimbangan pembayaran.

Adalah jelas bahawa kerajaan berhasrat untuk memulihkan sektor swasta yang telah terjejas oleh krisis ekonomi serantau. Perkara ini telah dijelaskan oleh Dr Mahathir pada persidangan akhbar kemududian apabila beliau berkata langkah-langkah itu bertujuan memudahkan pemulihan sektor swasta.

"Kita menyokong perniagaan dalam semua cara. Kita mahu mereka membuat keuntungan dan kita mahu mereka tidak dibebani cukai, hutang tidak berbayar

dan seumpamanya," kata beliau.

Hakikat bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mengecualikan cukai pendapatan bagi 1999 menunjukkan keberaniannya daripada segi memulihkan ekonomi.

Menghapuskan duti setem dan cukai keuntungan hartanah berkaitan dengan penggabungan adalah satu lagi langkah ke arah menggalakkan firma-firma tempatan bersatu menjadi badan-badan lebih besar untuk menghadapi cabaran-cabaran akan datang.

Paran penganalisis berkata mempunyai setahun pengecualian cukai pendapatan akan menggalakkan individu-individu dan syarikat-syarikat mencuba membuat sebanyak mungkin wang dalam masa itu dan sebaliknya akan meningkatkan ekonomi.

Jika ekonomi meningkat, kerajaan akan memungut wang pada tahun 2000 dan dengan itu hasil kepada kerajaan tidak akan terjejas, kata mereka.

Penganalisis itu juga menyifatkan sistem cukai taksiran sendiri yang akan diperkenalkan tidak lama lagi sebagai tepat kepada ekonomi yang dinamik yang penduduk menjadi semakin prihatin kepada cukai.

Sejumlah RM65.095 bilion akan diperuntukkan bagi Belanjawan 1999. Ini merupakan pengurangan sebanyak 9.3 peratus berbanding dengan peruntukan 1998.

Sejumlah RM47.042 bilion telah diperuntukkan bagi Belanja Mengurus dan RM18.053 bilion bagi Belanja Pembangunan.

Dengna hasil dianggarkan sebanyak RM47.160 bilion, akaun keseluruhan kerajaan dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM16.635 bilion.

Daripada jumlah yang dicadangkan untuk Belanja Mengurus, RM24.572 bilion diperuntukkan bagi Geran dan Pembayaran Tetap seperti bayaran pembayaran balik hutang, pencen dan pembayaran ganjaran dan caruman kepada tabung-tabung berkanun.

Sejumlah RM13.971 bilion adalah untuk Saraan, RM6.189 bilion untuk Perkhidmatan dan Perbekalan, RM460 juta diperuntukkan di bawah Aset-aset untuk pembelian kelengkapan dan kemudahan pejabat dan RM1.850 bilion untuk perbelanjaan termasuk pembayaran balik cukai.

Daripada Perbelanjaan Pembangunan, sejumlah RM7.890 bilion atau 43.7 peratus adalah untuk sektor ekonomi. -- BERNAMA

SHY OS